



20 APR, 2024

Cubaan seludup Methamphetamine hampir RM1 juta gagal

Kosmo, Malaysia



Page 1 of 2



ROSELAN (kanan) menunjukkan dadah Methamphetamine yang dirampas di Bagan Jermal semalam.

Cubaan seludup Methamphetamine hampir RM1 juta gagal

Oleh NOOR HASLIZA NUSI

GEORGE TOWN – Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Pulau Pinang menumpaskan cubaan menyeludup 30 kilogram (kg) dadah jenis Methamphetamine bernilai RM966,976 yang diletakkan di bawah pokok di kawasan perumahan di Bukit Gambir, Gelugor di sini, dua minggu lalu.

Rampasan dadah yang ditemui di dalam dua beg bercorak itu dilakukan sepasukan pegawai dari Unit Narkotik Bahagian Penguatkuasaan Pulau Pinang menerusi pemantauan hampir lapan jam, bermula pukul 9.30 malam.

Pengarahnya, Roselan Ramli berkata, operasi tersebut dijalankan menerusi aduan orang awam berhubung sindiket penyeludupan yang dijalankan di lokasi berkenaan.

Menurutnya, hasil pemantauan awal tidak menemui sebarang pergerakan suspek di kawasan tersebut, namun telah menjumpai dua beg di bawah pokok di kawasan perumahan berkenaan.

"Pemeriksaan awal menge-

syaki kedua-dua beg itu mengandungi dadah. Pasukan telah membawa pulang beg tersebut ke pejabat Unit Narkotik Pulau Pinang untuk tujuan pemeriksaan.

"Hasil pemeriksaan rapi telah menemui sebanyak 30 plastik kecil yang dibalut dengan bungkus teh hijau 'Guanyinhwang' berisi hablur kristal disyaki dadah jenis Methamphetamine," katanya pada sidang akhbar di Stor Penguatkuasaan Bagan Jermal, di sini semalam.

Beliau memberitahu, tindakan sindiket memasukkan dadah ke dalam bungkus minuman teh herba itu adalah bertujuan mengaburi mata pihak berkuasa.

"Berdasarkan jumlah berat sebanyak 30kg yang diperolehi itu, dianggarkan seramai 150,000 penagih dapat diselamatkan daripada penyalahgunaan dadah.

"Sindiket terlibat masih dalam siasatan termasuk bekalan yang diperolehi mereka. Kes disiasat di bawah Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952," tambahnya.



20 APR, 2024

Cubaan seludup Methamphetamine hampir RM1 juta gagal

Kosmo, Malaysia



Page 2 of 2

SUMMARIES

GEORGE TOWN - Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Pulau Pinang menumpaskan cubaan menyeludup 30 kilogram (kg) dadah jenis Methamphetamine bernilai RM966,976 yang diletakkan di bawah pokok di kawasan perumahan di Bukit Gambir, Gelugor di sini, dua minggu lalu. Rampasan dadah yang ditemui di dalam dua beg bercorak itu dilakukan sepasukan pegawai dari Unit Narkotik Bahagian Penguatkuasaan Pulau Pinang menerusi pemantauan hampir lapan jam, bermula pukul 9.30 malam.